

# Radio Kampus UMS 'Bukan Sekadar Muzik' dilancarkan

OLEH MARRYAN RAZAN (marr-  
ryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Radio Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) KKFM yang bersiaran melalui frekuensi 91.1 Megahertz dengan tagline 'Bukan Sekadar Muzik' dilancarkan secara rasmi, kelmarin.

Naib Canselor UMS Brig Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, pihak UMS mengambil inisiatif mewujudkan radio kampus kerana ia dilihat berkesan dalam menyebarkan pelbagai maklumat kepada orang ramai khususnya generasi muda.

Sehubungan itu katanya, satu jalinan kerjasama (MoU) dengan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah dimeterai ke arah mencapai matlamat berkenaan sekaligus merealisasikan kewujudan radio UMS.

"Radio kampus UMS menggunakan tagline 'Bukan Sekadar Muzik' bagi memberi cerminan bahawa radio bukan hanya berkonsepkan hiburan semata-mata sebaliknya turut mengetengahkan pelbagai maklumat menarik dan berita-berita kampus di samping kupasan isu-isu semasa di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), nasional dan antarabangsa.

"Selain itu, ia juga bertujuan sebagai medan penyafur maklumat kepada warga universiti dan masyarakat setempat, memberi pendedahan dan pengalaman dalam bidang penyiaran kepada golongan mahasiswa dan siswi UMS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas pelancaran Radio Kampus UMS, di Pejabat Penyiaran, Bangunan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, radio itu turut memuatkan perkembangan dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di sekitar Kota Kinabalu untuk makluman para pendengar.

"Radio ini dikendalikan oleh kakitangan yang berpengalaman serta gabungan para pelajar UMS yang mengikuti program Komunikasi di Sekolah Sains Sosial dan para pelajar dari Sekolah Pengajian Seni.

"Siaran radio ini boleh diikuti di kawasan Telipok, Sepanggar, Menggatal,



SATU UMS...Kamaruzaman (duduk tengah) bersama juruhebah KKFM bergambar bersama pada majlis Pelancaran Siaran Radio UMS.

Inanam, Kota Kinabalu, Penampang, Kinarut dan Beringgis Papar pada setiap hari bermula pukul 6 pagi sehingga 8 malam.

"Buat masa ini siarannya meliputi dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang masing-masing ke udara mengikut jadual rancangan yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, para pendengar juga boleh berinteraksi dengan juruhebah melalui talian SMS, panggilan telefon, email dan laman facebook.

Kamaruzaman berkata, pihaknya akan meluaskan kawasan siaran pada masa akan datang sehingga ke Keningau.

"Bagaimanapun, sebagai permulaan, kita akan perkukuhkan dahulu radio kampus di kawasan bandaraya sebelum mengembangkannya ke kawasan-kawasan lain," katanya.

Katanya lagi, kewujudan radio kampus KKFM sekaligus dapat menyediakan peluang kepada para pelajar tahun akhir yang mengikuti bidang pengajian yang relevan untuk menjalani latihan praktikal di situ.

"Saya percaya KKFM akan melahirkan ramai juruhebah dan pengacara yang hebat daripada kalangan para pelajar kelak," katanya.

Antara objektif Radio Kampus KKFM ialah untuk menyebarkan maklumat dan

perkembangan semasa UMS kepada warga kampus dan masyarakat di sekitar bandaraya, memberi pendedahan dan pengalaman mengenai dunia penyiaran kepada warga UMS khususnya kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi.

Selain itu membina hubungan yang lebih erat di kalangan warga UMS dan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan masyarakat luar melalui pengisian rancangan yang interaktif dan menghiburkan.

"Saya percaya melalui radio KKFM ini juga pelbagai impak lain akan turut dikecapi. Umpamanya hubungan sesama warga UMS akan terus terjalin erat. Manakala hubungan UMS dengan masyarakat luar pula akan sentiasa berada dalam suasana penuh kemesraan.

"Ini kerana format rancangan atau pengisian segmen dalam radio ini adalah berbentuk interaktif dan menghiburkan yang pasti mendapat penglibatan aktif daripada para pendengar.

"Harapan saya agar radio ini akan terus bergerak maju ke hadapan sebagai antara tonggak pemacu kecemerlangan pendidikan UMS selaras dengan agenda pembangunan negara masa kini," katanya.